

**TEKS UCAPAN YB DATO' SRI LIOW TIONG LAI  
MENTERI PENGANGKUTAN MALAYSIA**

**MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN 1MOT  
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN  
18 JUN 2015 (SELASA)**

**YB. Datuk Ab Aziz Kaprawi**

Timbalan Menteri Pengangkutan

**YBhg. Datuk Dr. Ismail Haji Bakar**

Ketua Setiausaha

Kementerian Pengangkutan

**YBrs. Encik Chua Kok Ching**

Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)

Kementerian Pengangkutan

Ketua-Ketua Jabatan dan Agensi,

Pegawai-pegawai Kanan Kementerian Pengangkutan/Jabatan/Agensi,

Seluruh warga Kementerian Pengangkutan dan Jabatan serta agensi di bawah Kementerian Pengangkutan yang dihormati sekalian.

Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia;

1. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua warga MOT dan Jabatan serta Agensi di bawah MOT yang hadir

pada perhimpunan bulanan kali ini. Penghargaan juga saya kepada Bahagian Maritim selaku penganjur perhimpunan bulanan 1MOT untuk bulan Ogos 2015.

2. Walaupun sambutan Hari Raya Aidilfitri telah berakhir pada hari Sabtu yang lepas, izinkan saya untuk mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada semua warga MOT. Saya juga memohon maaf kerana tidak berkesempatan untuk bersama-sama dengan warga MOT dalam Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri yang telah diadakan pada 31 Julai 2015 yang lalu kerana saya menghadiri Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu berhubung resolusi penubuhan tribunal antarabangsa bagi MH17.
3. Saya telah dimaklumkan akan kemeriahan sambutan Majlis tersebut dimana buat pertama kalinya seluruh warga MOT telah terlibat secara langsung dan menyumbang juadah makanan dan minuman berbeza dengan sambutan di tahun-tahun yang lepas. Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada semua dan saya berharap tradisi baru ini dapat diteruskan di masa hadapan.
4. Menyentuh mengenai Ops Selamat 2015 sempena musim perayaan Hari Raya Aidilfitri yang lepas, saya ingin melahirkan rasa sedih dan dukacita saya terhadap perangkaan kemalangan jalan raya yang telah diumumkan oleh Timbalan Ketua Polis Negara. Saya difahamkan bahawa sebanyak 1,974 kes kemalangan jalan raya telah direkodkan di seluruh negara pada tahun ini dengan peningkatan sebanyak 10.7% berbanding Ops Selamat pada tahun lalu.

5. Kes kemalangan maut juga turut mencatatkan peningkatan sebanyak 86 kes atau 39.6% dengan jumlah kematian sebanyak 330 kematian. Penunggang dan pembonceng motosikal masih lagi merupakan golongan yang paling ramai terkorban iaitu sebanyak 200 kes.
  
6. Dalam konteks keselamatan jalan raya, saya ingin merakamkan penghargaan kepada Jabatan Keselamatan Jalan Raya (JKJR) dan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) yang telah menjalankan pelbagai inisiatif keselamatan jalan raya meliputi intervensi advokasi dan penguatkuasaan sepanjang tempoh musim perayaan tersebut. Saya sentiasa percaya bahawa program advokasi dan penguatkuasaan secara konsisten dan efektif adalah penting dalam usaha kita untuk menyedarkan masyarakat terhadap kepentingan mengamalkan budaya "*safety first*" dan mematuhi peraturan lalu lintas bagi menangani isu kemalangan jalan raya.
  
7. Menyentuh isu kadar yuran lesen memandu yang mendapat liputan media massa kebelakangan ini, ingin saya tegaskan bahawa Kerajaan pada bulan September 2014 telah menetapkan suatu struktur siling kadar yuran tersebut. Oleh demikian, adalah menjadi pandangan Kementerian bahawa kadar yuran tersebut adalah berpatutan. Walau bagaimanapun, saya telah mengarahkan MIROS untuk menjalankan kajian penerimaan awam terhadap kadar yuran tersebut dan sebarang hasil kajian akan dibincangkan kelak.

Warga Kementerian sekalian,

8. Dalam kemeriahan kita menyambut Aidilfitri, kita telah dikhabarkan dengan berita penemuan serpihan sayap (*flaperon*) kapal terbang di Pulau Reunion pada 29 Julai yang lalu. Penemuan ini lantas telah disahkan oleh Pasukan Pakar Penerbangan Antarabangsa dan Malaysia yang mana serpihan sayap itu adalah milik pesawat malang MH370. Dalam hubungan ini, saya ingin memaklumkan bahawa Kerajaan akan terus komited di dalam usaha pencarian pesawat malang berkenaan sehingga penemuan keseluruhan pesawat bagi merungkai tragedi yang menyayat hati ini.
  
9. Saya turut berkongsi kesedihan dengan *next-of-kin* penumpang dan anak kapal MH370 susulan dengan penemuan terbaru ini. Untuk makluman, Kementerian Pengangkutan dan Jabatan Penerbangan Awam telahpun menghantar pasukan penyiasat ke Kepulauan Reunion dan Maldives bagi membantu mencari serpihan yang dipercayai menyerupai bahagian kapal terbang yang dilaporkan dijumpai terdampar di sana. Pasukan penyiasat juga telah dihantar ke Perancis di dalam usaha-usaha mengenalpasti serpihan ini. Oleh itu, saya menyeru tuan-tuan dan puan-puan bersama-sama mendoakan agar insiden MH370 ini dapat diselesaikan secepat mungkin dan punca kehilangan dapat dikenalpasti. Juga saya ingin berpesan agar kita dapat mengelak daripada membuat sebarang spekulasi bagi menjaga perasaan waris dan ahli keluarga penumpang dan anak kapal pesawat MH370.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan,

10. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan ke atas pencapaian yang diraih oleh Kementerian baru-baru ini. Saya telah dimaklumkan akan kejayaan *Malaysia Aviation Academy* (MAvA) dalam memperolehi perakuan sebagai ahli bersekutu *International Civil Aviation Organization* (ICAO) TrainAir Plus bagi tempoh 3 tahun yang membolehkan MAVA terlibat secara langsung dalam program pembangunan modal insan termasuk perkongsian modul latihan dengan negara-negara ahli yang lain.
  
11. Di samping itu, Malaysia telah menandatangani *Cooperation Agreement* dengan *European Civil Aviation Conference* (ECAC) pada 30 Jun 2015 yang lalu. Penerimaan perjanjian ini membolehkan Malaysia menjalinkan kerjasama dengan Negara-negara ECAC dalam aspek keselamatan, penyiasatan kemalangan udara dan alam sekitar. Penerimaan perjanjian ini juga adalah bagi menterjemahkan komitmen dan obligasi Malaysia selaku Ahli Majlis ICAO.
  
12. Sepertimana yang kita telah sedia maklum, Rancangan Malaysia ke Sebelas (RMK-11) sedang rancak dirancang untuk dilaksanakan bermula Januari 2016. Oleh demikian, saya ingin menarik perhatian semua yang terlibat supaya memberi penekanan khusus di dalam aspek pelaksanaan projek-projek pembangunan yang telah diluluskan dan dirancang. Ini bagi membolehkan Malaysia mengekalkan momentum pembangunan di dalam menuju wawasan 2020.

13. Di sini saya juga ingin mengumumkan bahawa Kerajaan pada 5 Ogos yang lalu telah bersetuju dengan inisiatif Kementerian Pengangkutan berhubung penubuhan *Protection and Indemnity Club Malaysia* (P&I Malaysia) yang bertujuan menyediakan perlindungan insuran mampu milik kepada pemilik-pemilik kapal Malaysia bagi tuntutan liabiliti pihak ketiga termasuk kematian, kecederaan dan kerosakan harta benda bagi kapal-kapal di bawah 300 *gross registered tonnage*. Penyediaan perlindungan insuran ini oleh P&I Malaysia seterusnya dijangka akan membantu syarikat perkapalan Malaysia untuk lebih berdaya saing dengan kos operasi yang rendah dan kompetitif berbanding sebelum ini.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

14. Seperti yang kita semua sedia maklum, akhir-akhir ini, pelbagai isu menjadi topik hangat yang diperdebatkan dan dibicarakan di kalangan masyarakat umum samada di kedai-kedai kopi dan yang lazimnya kini di laman sosial seperti *whatsapp*, *telegram*, *facebook*, dan *twitter*. Antaranya termasuk isu 1MDB, rombakan Kabinet baru-baru ini dan pelbagai lagi isu lain. Ingin saya tekankan disini bahawa Kerajaan sentiasa telus dalam menangani isu-isu sebegini. Oleh yang demikian, saya ingin menyeru kepada semua warga MOT supaya dapat menghormati proses penyiasatan yang sedang dijalankan oleh agensi-agensi terbabit seperti PAC, Jabatan Audit Negara dan Jabatan Peguam Negara.

15. Sebarang spekulasi mahupun dakwaan yang tidak berasas lebih-lebih lagi sewaktu siasatan sedang dijalankan adalah tidak wajar dan

tidak membawa sebarang kebaikan malahan ia hanya akan mengundang perpecahan dan menjejaskan keamanan Negara kita. Apa yang lebih penting adalah kita haruslah bersatu hati dalam melipat ganda usaha dan kualiti kerja kita agar aspirasi negara dapat dicapai. Adalah menjadi harapan saya, agar warga MOT terus memberikan perkhidmatan yang cemerlang yang dituntut oleh semua rakyat ke atas kita bagi manfaat semua.

16. Semasa Pembentangan Bajet 2015 oleh YAB. Perdana Menteri pada 10 Oktober 2014 telah mengumumkan bahawa Kerajaan akan menyediakan ruang di hospital dan klinik kerajaan supaya sektor swasta dapat membekalkan mesin hemodialisis sebagai sebahagian daripada tanggungjawab sosial korporat. Sehubungan itu, Kementerian Pengangkutan telah mengambil inisiatif dengan menyelaraskan sumbangan bagi pembelian mesin hemodialisis daripada Lembaga Pelabuhan, Operator Pelabuhan dan syarikat-syarikat swasta berkaitan pengangkutan. Dalam pada itu, sebanyak RM497,500.00 telah dikutip dan ini membolehkan pembelian sebanyak sepuluh (10) unit mesin hemodialisis diagihkan kepada hospital yang terpilih. Diharapkan sumbangan ini dapat membantu meningkatkan perkhidmatan hospital dan klinik Kerajaan dan seterusnya memberi keselesaan kepada orang awam.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

17. Kementerian bertuah untuk menerima kakitangan dan pegawai baru samada secara lantikan atau pertukaran. Dalam hubungan ini, suka saya menyampaikan ucapan selamat datang kepada pegawai-

pegawai dan kakitangan-kakitangan ini dan mengharapkan agar mereka dapat menjalankan tugas dan tanggungjawab yang telah diberikan dengan amanah, beretika dan berhemah. Dalam pada itu, saya juga ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan selamat maju jaya kepada para pegawai dan kakitangan yang meninggalkan Kementerian samada bertukar ke Jabatan lain mahupun yang bersara wajib. Saya juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada mereka di atas sumbangan mereka semasa perkhidmatan mereka di Kementerian Pengangkutan dan agensi-agensi di bawah Kementerian.

18. Sebelum saya mengakhiri ucapan saya pada pagi ini, saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan Selamat Menyambut Hari Kemerdekaan ke-58. Sambutan Hari Kemerdekaan pada tahun ini bertemakan "Sehati Sejiwa". Marilah kita bersama-sama mencerminkan roh kesepaduan, kesefahaman, kekitaan dan kemanusiaan dikalangan warga Kementerian. Justeru, marilah kita menjulang citra Malaysia dengan memenuhi segala janji yang dipateri dan potensi yang dimiliki demi seluruh warganya. Dari itu, saya ingin sama-sama berpesan, bahawa, janganlah kita sampai mepunah binasa apa yang telah bersusah payah dipupuk dan dicipta. Janganlah sesekali pula, diporak-peranda harmoninya watan yang telah sekian lama terbina.

Terima kasih